

22 OCT 1998

Hasmah-miskin

KRISIS EKONOMI JEJASKAN USAHA PEMBANGUNAN, KATA SITI HASMAH

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Krisis ekonomi dan ketidakstabilan politik di beberapa rantau menjadi punca kegagalan usaha-usaha pembangunan di kebanyakan negara yang menyebabkan meningkatnya kadar kemiskinan, kata isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, hari ini.

Berikutan itu pemotongan perbelanjaan awam terutamanya perbelanjaan sosial terpaksa dilakukan dan ia akan menjejaskan lagi standard kehidupan golongan masyarakat yang lemah seperti wanita dan kanak-kanak.

"Oleh itu, kita perlu mengambil langkah sewajarnya bagi memerangi kemiskinan. Kita perlu membangunkan potensi golongan wanita yang mewakili separuh daripada sumber manusia di dunia," katanya pada majlis perasmian Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Antarabangsa (ISC) Ketiga Mengenai Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar, di sini.

Mesyuarat itu dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Siti Hasmah, yang juga Presiden ISC Mengenai Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar berkata langkah-langkah itu termasuk membangunkan kemahiran, menyediakan peluang dan memastikan persekitaran tempat kerja selamat dan merangsang wanita untuk bergiat aktif dalam pembangunan ekonomi dan sosial.

Sementara itu, penaung ISC Ratu Fabiola, dalam ucapannya pula memetik beberapa perkara menarik daripada Laporan Pembangunan Manusia, Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 1998 mengenai bagaimana negara maju menggunakan sumber-sumbernya dan perbandingan antara keperluan asas golongan miskin dan perbelanjaan golongan kaya.

+ Sebanyak AS\$6 bilion setahun diperlukan bagi menyediakan pendidikan asas untuk semua berbanding perbelanjaan peribadi sebanyak AS\$8 bilion setahun bagi membeli kosmetik di Amerika Syarikat sahaja;

+ Sebanyak AS\$9 bilion setahun diperlukan untuk menyediakan air bersih dan kebersihan berbanding perbelanjaan tahunan membeli ais krim bernilai AS\$11 bilion di Eropah sahaja;

+ Sebanyak AS\$13 bilion setahun diperlukan untuk kesihatan dan pemakanan berbanding perbelanjaan tahunan AS\$17 bilion untuk makanan haiwan peliharaan di Eropah dan Amerika Syarikat.

--BERNAMA

RAZ NAK